

SOALAN NO: 290

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH
[SABAK BERNAM]
TARIKH : -
SOALAN : 290

YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM] yang meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan setakat manakah pelaksanaan Skim Insurans Kesihatan Sukarela (VHIS) dan golongan pekerja yang diwajibkan untuk mengambil skim insurans ini serta nyatakan sasaran insurans ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2016, Jemaah Menteri telah meluluskan pewujudan Skim Insurans Kesihatan Sukarela atau *Voluntary Health Insurance-VHI* (dengan izin). Skim ini akan dikendalikan sepenuhnya oleh satu agensi milik kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Ianya merupakan insurans takaful yang beroperasi secara tidak berasaskan keuntungan.

Oleh kerana VHI merupakan kaedah baru yang pertama kali akan dilaksanakan di Malaysia, maka banyak aspek perlu diteliti dan

diperincikan. Setakat ini, VHI di peringkat pembangunan di mana pelaksanaannya dibuat secara berfasa dalam tahun 2018.

Fasa pertama akan dimulakan dengan golongan pekerja asing melalui skim sedia ada iaitu Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA) yang telahpun dilaksanakan secara mandatori semenjak tahun 2011.

Objektif atau sasaran utama Kerajaan memperkenalkan VHI adalah untuk menambahkan pilihan yang lebih kos efektif kepada rakyat bagi memenuhi keperluan kesihatan mereka di sektor swasta atau sektor awam.

Sasaran VHI bagi jangka masa panjang ialah peluasan kepada sektor lain secara berfasa. Penyertaan kumpulan lain ke skim ini adalah secara sukarela dan bukannya diwajibkan.